

TEKS UCAPAN
BRIG JENERAL DATO PROF DR KAMARUDIN HUSSIN,
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN
PADA 14 SEPTEMBER 2009 DI DEWAN KAPITOL UniMAP

Bismillah Hirahman Nirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam ramadhan.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Wakil-wakil media,

Dan seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya maka dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi ini dalam suasana yang penuh keceriaan dan kerahmatan.

Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Pendaftar dan Perpustakaan UniMAP selaku jawatankuasa Pertandingan Nasyid Antara Jabatan pada hari ini kerana telah berjaya menganjurkan majlis ini dengan jayanya.

Para hadirin sekalian,

Seperti yang di ketahui umum, nasyid merupakan salah satu medium untuk umat islam berdakwah di samping berhibur. Ia merupakan cabang seni yang bersendikan Islam yang mengandungi lirik yang merangkumi pesanan, ingatan, kisah para nabi, seruan dakwah Islamiah dan meniupkan semangat dalam proses pembangunan bangsa dan negara.

Melalui pertandingan nasyid seperti ini, kita bukan sahaja dapat mencungkil bakat-bakat baru di kalangan staff UniMAP, tetapi ia secara langsung dapat mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin di kalangan kita semua, lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan yang mulia ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

Suatu ketika dulu, kewujudan nasyid kontemporari mendapat perhatian semua golongan termasuk golongan remaja. Ini kerana ianya dicipta mengikut selera dan kehendak pendengar.

Namun kini, populariti irama nasyid telah kembali turun berikutan perubahan selera masyarakat dalam citarasa seni mereka.

Oleh itu, satu pendekatan perlu diambil agar penciptaan irama nasyid perlu mengikut trend dan kehendak masyarakat agar nasyid boleh tampil dengan imej yang lebih dekat dengan remaja terutama sekali mahasiswa UniMAP.

Penciptaan irama nasyid perlulah selari mengikut peredaran zaman dan kehendak masa kini agar mesej yang terdapat dalam nasyid dapat disampaikan dan diterima oleh semua golongan terutama sekali golongan muda

Harapan saya, pada masa akan datang, para peserta akan lebih kreatif dengan mencipta irama nasyid baru yang untuk terus diterima oleh semua golongan.

Saya percaya ini dapat dilakukan sekiranya setiap peserta bekerjasama dalam mengeluarkan buah fikiran, dengan ini dapatlah kita melihat tahap kreativiti sesuatu jabatan itu.

Para hadirin sekalian,

Hendaklah diingat bahawa fungsi utama nasyid hanyalah untuk membawa manusia kepada Tuhan agar mematuhi perintah dan meninggalkan larangan-Nya. Hanya dengan kembali kepada Allah hati akan mendapat ketenangannya yang hakiki.

Firman Allah: “Orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia” – Al Rad, Ayat 28.

Di kesempatan ini, ingin saya berpesan bahawa nawaitu atau niat kita semua memasuki pertandingan ini haruslah jujur, murni dan ikhlas. Bukan kemenangan yang mahu direbut dan dibanggakan, sebaliknya keredhaan dari Allah SWT yang kita cari di bulan yang mulia ini.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin sekali lagi berpesan kepada semua warga kerja UniMAP agar

merebut peluang di bulan Ramadhan ini untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

Dengan ucapan Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya dengan ini merasmikan Pertandingan Nasyid Antara jabatan UniMAP 2009. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.